

18 Februari 2009 (Rabu)

Perlembagaan negara perlu sentiasa dipatuhi

Oleh Azman Mahmood bhnews@bharian.com.my



Prof Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim

KUALA LUMPUR: Perlembagaan negara adalah lambang tertinggi undang-undang yang harus dijadikan panduan oleh rakyat dan pemimpin serta perlu sentiasa dihormati dan dipertahankan, kata Pakar Sejarah yang juga pemerhati politik, Prof Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim. Katanya, Perlembagaan Persekutuan mengandungi pelbagai perkara termasuk mengenai semangat perpaduan, hak kebebasan bersuara, hak beragama dengan Islam sebagai agama rasmi, institusi Raja dan hak keistimewaan orang Melayu. Beliau berkata, jika ada undang-undang lain yang bertentangan dengan Perlembagaan, ia adalah tidak sah. "Perlembagaan Persekutuan sudah ditulis begitu rupa dan dipersetujui pemimpin terdahulu daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Kita mengamalkan demokrasi dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi seperti ditetapkan Perlembagaan. "Jika ada yang mencabar perkara yang sudah termaktub dalam Perlembagaan sehingga menggugat keharmonian dan perpaduan kaum, mereka adalah golongan tidak faham atau tak tahu langsung mengenai Perlembagaan," katanya.

Semalam, akhbar melaporkan, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin ketika merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-12 di Dewan Rakyat, bertitah kesepakatan yang sudah dipersetujui semua pihak ketika negara mencapai kemerdekaan perlu sentiasa dihormati dan tidak dipersoalkan. Serentak itu, baginda mengingatkan semua pihak supaya sentiasa menghormati keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan jangan sesekali cuba untuk mewujudkan undang-undang lain yang bertentangan dengannya. Ditanya mengenai titah baginda bahawa Perlembagaan Persekutuan perlu diajar di sekolah supaya semua memahami mengenainya, Khoo berkata, perlu ada usaha ke arah itu tetapi peringkat awal boleh diajar supaya murid memahami Rukun Negara sebelum disusuli Perlembagaan. "Yang penting semua pihak pertahan Perlembagaan negara. Kalau tak patuh (Perlembagaan) rakyat dan negara akan berada dalam keadaan kucar," katanya.

Veteran Umno, Tan Sri Abdul Aziz Tapa, berkata generasi sekarang perlu menghayati dengan penuh keinsafan terhadap setiap perkara yang termaktub dalam Perlembagaan yang memberi hak kepada semua kaum di negara ini. Katanya, masalah yang timbul sekarang apabila ada pihak cuba menjadi juara dalam perebutan kuasa politik sehingga tidak menghormati Perlembagaan. "Kita bimbang cara dan pembawaan fahaman politik pembangkang boleh menimbulkan lebih banyak sikap rakyat tidak menghormati Perlembagaan. Dia (pembangkang) faham dan sedar (mengenai Perlembagaan), tetapi perjuangan mereka lebih kepada memenuhi tuntutan nafsu saja. "Tetapi, Umno dan Barisan Nasional (BN) juga perlu hati-hati, jangan bertindak membelakangi Perlembagaan yang sudah dipersetujui bersama pemimpin terdahulu ketika negara mencapai kemerdekaan. "Jika semua pihak menghormati Perlembagaan, tidak timbul masalah seperti perbezaan fahaman antara kaum dan berani mempertikaikan hak-hak yang ditetapkan Perlembagaan," katanya.

18 Februari 2009 (Rabu)

Cepat laksana projek: PM

Oleh Zulkofli Jamaludin zuljam@bharian.com.my



ABDULLAH diiringi Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal (kiri) selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertahanan, di Kuala Lumpur, semalam.

Pakej rangsangan dibelanja segera gerak pertumbuhan swasta

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu sektor awam melaksanakan segera semua projek sudah dikenal pasti dalam pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion bagi menggerakkan pertumbuhan sektor swasta bagi menghadapi krisis ekonomi. Perdana Menteri berkata, sejak diluluskan November lalu, hanya 70 peratus daripada peruntukan pakej rangsangan itu dapat diagihkan dan jika tidak dibelanjakan segera, usaha kerajaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara tidak dapat direalisasikan. "Jika wang tidak dapat dibelanjakan dengan cepat, maka apa yang diharapkan kerajaan dengan mengeluarkan pakej rangsangan ekonomi tidak akan dapat membantu rakyat dalam kita menghadapi waktu ini. "Jika kita memahami matlamat peruntukan itu diberikan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk berusaha secepat mungkin supaya projek diluluskan dapat dilaksanakan," katanya pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertahanan di sini, semalam.

Abdullah yang juga Menteri Pertahanan berkata, peruntukan itu perlu dibelanjakan segera sepenuhnya bagi menjana pertumbuhan ekonomi supaya kesannya dapat dinikmati rakyat dalam jangka masa terdekat. Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi akan menjadi lebih pesat dengan pelaksanaan pakej rangsangan kedua yang dijadual diumumkan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak, dengan jumlah lebih besar, Mac ini. "Ia akan menjadi satu tuntutan kepada kita semua untuk bekerja lebih kuat supaya apa yang diperuntukkan dilaksanakan secepat mungkin," katanya.

Abdullah berkata, dalam keadaan ekonomi sekarang, sektor awam dianggap penting dan perlu memainkan peranan bagi membolehkan banyak projek dirancang dilaksanakan sektor swasta yang berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi. "Dalam kita berusaha memulihkan ekonomi, adalah menjadi dasar kerajaan supaya sektor swasta menjadi pemangkin pertumbuhan. Pada masa ini, mereka tentu berada dalam keadaan yang tidak boleh mendahului dan tidak boleh menjayakan peranan diharapkan kerajaan," katanya.

Sambil memberi contoh kepada kementerian itu, Abdullah berkata, jika projek dirancang dengan secepat mungkin, ia dapat memberikan peluang perniagaan kepada pihak swasta, seterusnya dapat membantu mereka pada waktu sukar ini. Sementara itu, Abdullah semalam menyaksikan majlis memeterai dua kontrak jangka panjang antara Kementerian Pertahanan dengan dua syarikat tempatan bagi pembekalan alat ganti, perkhidmatan senggaraan dan latihan masing-masing bernilai RM537 juta dan RM66 juta. Perjanjian itu ialah antara kementerian dengan MTU Services Sdn Bhd (MTU Services) dan D'Aquarian Sdn Bhd (D'Aquarian) bagi kontrak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) selama lima tahun.

Kementerian diwakili Ketua Setiausaha, Datuk Abu Bakar Abdullah dan Timbalan Setiausaha (Pembangunan), Datuk Mohammad Khalid Sharif, manakala MTU Services oleh Pengurusnya, Tan Sri Subhan Jasmon dan Pengurus Besar, Komander (B) Aziz Mat Noor. D'Aquarian pula diwakili oleh Pengarah Urusannya, Datuk Wan Mohamad Zin Amin dan Pengurus Besar, Mejar (B) Hussain Nayan.

Mengikut kenyataan yang dikeluarkan Cawangan Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan, kedua-dua kontrak itu adalah sambungan kontrak sebelum ini dengan beberapa penambahbaikan bagi memantapkan dan melancarkan tugas pelaksanaan. "Dengan termeterainya kontrak ini, perkhidmatan sokongan dan latihan lebih cekap dan berkesan terhadap aset-aset TLDM akan dapat dilaksanakan yang secara langsung mampu meningkatkan keupayaan Armada TLDM. "Pemeteraian kedua-dua kontrak jangka panjang untuk tempoh lima tahun adalah selaras hasrat kerajaan mengurangkan pergantungan negara kepada bekalan perkhidmatan dan penyelenggaraan dari luar negara," katanya.

19 Februari 2009 (Khamis)

Timur: Hutan Lipur Beserah terbiar

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani



KEADAAN tempat rehat dan ruang solat yang terbiar di Hutan Lipur Beserah.

KUANTAN: Keadaan Hutan Lipur Beserah, dekat sini umpama 'hidup segan mati tak mahu' berikutan dipenuhi sampah-sarap sehingga menimbulkan masalah pencemaran udara dan kurang selesa kepada pengunjung. Tinjauan Berita Harian mendapati masalah itu dikatakan berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pengunjung sendiri yang tiada kesedaran sivik kerana membuang sampah merata-rata. Pihak berkuasa pula dikatakan gagal menyelenggara kawasan itu dengan baik menyebabkan sampah seperti bekas makanan, tin dan botol minuman, lampin bayi bersepeh dan terkeluar daripada bekas sampah yang disediakan di situ. Difahamkan, kawasan hutan lipur yang terletak kira-kira 20 kilometer dari sini, mempunyai dua kolam tadahan air yang dibina pada zaman penjajahan British. Ia yang mempunyai kedalaman 1.5 meter menjadi tumpuan pengunjung seperti kanak-kanak dan remaja ke hutan lipur berkenaan, terutama hujung minggu dan cuti umum. Beberapa pengunjung yang ditemui kesal kerana aspek kebersihan diabaikan dan beberapa pondok istirahat rosak, bilik persalinan, manakala tandas awam tidak diselenggara dengan baik.

Mohd Norzaniman Mohd Nawi, 42, dari Balok, di sini berkata penduduk tempatan dan persatuan belia perlu bekerjasama menjaga kebersihan kawasan itu kerana ia menjadi tumpuan ramai terutama pada hujung minggu. "Kemudahan yang disediakan masih belum lengkap terutama bagi pengunjung beragama Islam kerana tiada tempat untuk solat. "Pihak berkuasa perlu menyediakan lebih banyak tong sampah dan papan tanda penunjuk arah ke hutan lipur ini," katanya.

Rozida Ismail, 38, berkata pihak berkuasa dan Jabatan Hutan negeri juga perlu bekerjasama memulihara hutan lipur berkenaan yang mempunyai sejarah tersendiri termasuk Gua Beserah. "Saya berharap pihak tertentu dapat meningkatkan kerja menyelenggara kawasan ini dengan lebih berkesan bagi menjamin kebersihan dan keselamatan kawasan ini," katanya.

19 Februari 2009 (Khamis)

Sabah & Sarawak: Projek tukun tiruan pulih sumber perikanan pantai

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah bhnews@bharian.com.my

KUALA PENYU: Projek pemasangan tukun tiruan di kawasan penangkapan ikan nelayan tradisi di daerah ini diharap dapat memulihkan sumber perikanan pantai yang kian merosot akibat kegiatan lampau tuai dan penggunaan alat penangkapan ikan yang memusnahkan hasil laut. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin, berkata langkah Jabatan Perikanan negeri itu akan memberi manfaat kepada masyarakat nelayan, khususnya nelayan tradisi yang bergantung sepenuhnya terhadap kegiatan penangkapan ikan di kawasan berhampiran pantai. Katanya, ramai nelayan tradisi ketika ini menghadapi kesukaran meningkatkan hasil tangkapan berikutan kekurangan ikan di perairan pantai, sekali gus menyebabkan pendapatan mereka merosot. "Objektif utama melabuhkan tukun tiruan ini ialah untuk meningkatkan sumber perikanan di kawasan pesisiran pantai. Ia juga boleh menghalang pencerobohan pukat tunda di kawasan penangkapan yang dikhaskan untuk nelayan pantai. "Tukun tiruan ini dibina khusus untuk spesies ikan tertentu seperti tukun kuboid untuk ikan dan tukun udang kara bagi pembiakan udang kara. Ia boleh menjadi habitat selamat kepada juvana dan induk ikan serta udang kara untuk membesar dan membiak," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri berkata demikian selepas menyaksikan kerja melabuhkan tukun tiruan di perairan Kuala Penyu dan Membakut bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Penyu, John Teo Mau Sing dan Adun Membakut, Datuk Arifin Mohd Arif. Hadir sama Setiausaha Politik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri, Mahlan Zinin dan Victor Ng; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian, Jumahat Intang; Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Daim Basrun; Pegawai Daerah Kuala Penyu, Edmond Teo dan Ketua Bahagian Marin, Jabatan Perikanan negeri, Jephrin Wong. Yahya berkata, tukun tiruan konkrit ialah tukun baru diperkenalkan Jabatan Perikanan negeri tahun lalu, merangkumi dua jenis iaitu kuboid dan lobster-ikan. "Di daerah ini dan Membakut, tukun tiruan dilabuhkan di perairan Binsulok dan Tempurong iaitu masing-masing 12 unit tukun kuboid dan 10 unit tukun lobster-ikan di setiap kampung berkenaan. "Lokasinya ialah kawasan laut dengan kedalaman tidak kurang 10 meter, tidak jauh dari kampung nelayan dan di luar dari laluan kapal," katanya.

Tukun konkrit itu, katanya, direka oleh pakar tukun tiruan Jabatan Perikanan negeri dengan kerjasama Bahagian Jurutera, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) di Putrajaya dengan mengambil kira tabiat ikan demersal. Setiap tukun bersaiz 3.3 meter padu dengan berat kira-kira enam tan metrik dan mampu bertahan di dasar laut selama lebih 30 tahun. Yahya berkata, tukun berkenaan akan dijaga oleh nelayan tempatan menerusi pembentukan Jawatankuasa Tukun di kampung terbabit dengan dibantu oleh Cawangan Perundan dan Penguat kuasa, Jabatan Perikanan negeri. "Jabatan Perikanan juga akan meminta bantuan dan sokongan daripada pihak polis daerah, polis marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi membantu Jawatankuasa Tukun memantau tukun di kawasan masing-masing," katanya.

19 Februari 2009 (Khamis)

Sentral: NS bayar pinjaman KWAP RM310 juta

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Kerajaan negeri akan membayar RM310 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) akhir tahun depan untuk menyelesaikan pinjaman kepada institusi itu yang digunakan bagi menyelesaikan kemelut pemilikan tanah Felda Sendayan. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata keuntungan projek pembangunan yang sedang dijalankan di kawasan itu menyebabkan kerajaan negeri yakin tidak berdepan masalah untuk menyelesaikan pinjaman sebanyak RM250 juta. "Ketika ini, Menteri Besar Incorporated (MBI) membayar faedah pinjaman sebanyak RM6 juta tetapi diberi kelonggaran enam bulan sekali untuk menjelaskan sebelum bayaran RM310 juta akan dibayar sekali gus akhir tahun depan. "Pembayaran itu akan menyelesaikan hutang pinjaman kerajaan negeri dengan institusi itu," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Serentak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah-Sekolah Menengah Dewan Undangan Negeri (Dun) Rantau di Sekolah Menengah Kebangsaan Sendayan, dekat sini, kelmarin.

Mohamad berkata, kerajaan negeri sedang memajukan beberapa projek perumahan di kawasan berkenaan selain menjual tanah kepada beberapa syarikat berdaya maju bagi membangunkan bekas ladang berkenaan yang mampu memberi limpahan manfaat kepada peneroka. "Semua keuntungan daripada projek pembangunan yang dijalankan dan penjualan tanah akan dimasukkan dan disatukan dalam akaun Tabung Amanah Sendayan bagi membolehkan kita membayar pinjaman. "Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri tidak menjadikan penyelesaian kemelut pemilikan tanah Sendayan untuk meraih atau berorientasikan keuntungan," katanya.

19 Februari 2009 (Khamis)

Rencana - Minda Pengarang: Projek rangsang ekonomi tak wajar terbantut

ARAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya kakitangan kerajaan mempercepatkan pelaksanaan projek melalui peruntukan khas RM7 bilion yang diluluskan Parlimen November lalu, perlu dipandang serius pihak terbabit. Selepas lebih tiga bulan pakej rangsangan ekonomi bagi menangani kemelut kesan kemelesetan ekonomi dunia dilancarkan, hanya 70 peratus peruntukan diagihkan bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi sektor swasta. Kita dapat kerentah birokrasi yang selama ini menghantui sektor awam menjadi sebahagian punca kelewatan proses berkenaan sehingga menyebabkan pelaksanaan projek terbantut, sedangkan rakyat tertunggu-tunggu kesan pakej rangsangan berkenaan kepada pertumbuhan ekonomi yang semakin menguncup. Tindakan segera pada semua peringkat amat perlu bagi memastikan pakej itu dilaksanakan mengikut jadual di tengah-tengah rakyat tersebut

dengan tekanan ekonomi, selain peningkatan kadar pengangguran kesan pemberhentian pekerja.

Kebimbangan Perdana Menteri itu cukup jelas kerana kelewatan peruntukan berkenaan dibelanjakan akan menjelaskan usaha kerajaan merangsang pertumbuhan ekonomi berikutan kemelesetan ekonomi global. Peruntukan sudah disalurkan, sepatutnya menjadi tugas kakitangan kerajaan berkaitan untuk bertindak segera melaksanakan projek yang ditetapkan. Tambahan lagi pada 10 Mac depan, sekali lagi Timbalan Perdana, Datuk Seri Najib Razak akan membentangkan pakej rangsangan ekonomi kedua di Parlimen dengan peruntukan kewangan lebih besar dan komprehensif.

Kita bimbang sekiranya pakej rangsangan pertama November lalu yang masih belum memberi kesan seperti diharapkan kerajaan dan rakyat, masalah sama akan berterusan apatah lagi jika berlaku pertindihan projek. Masih banyak projek yang sepatutnya dilaksanakan tahun lalu dan awal tahun ini masih terbantut pelaksanaannya, apa lagi dengan pelaksanaan projek baru melalui pembiayaan pakej kedua itu nanti. Kita mencadangkan kerajaan membentuk pasukan petugas khas dipengerusikan sendiri Menteri Kewangan atau Ketua Setiausaha Negara bagi memastikan pelaksanaan projek untuk pakej rangsangan pertama dan kedua dapat dilaksanakan mengikut jadual. Ini penting bagi mengurangkan kerenah birokrasi yang timbul sekiranya masing-masing kementerian diminta mengemukakan projek untuk dilaksanakan. Sebenarnya, rakyat sedang memerhati setiap langkah dilakukan kerajaan dalam menangani kemelut yang melanda sekarang sebaik saja pakej rangsangan ekonomi pertama diumumkan. Rakyat mahukan tindakan segera kerajaan melalui sektor awam bagi memastikan negara mampu mengharungi kemelut yang belum ada penghujungnya ini. Rakyat sedar, negara mempunyai keupayaan dan kepakaran mencukupi selepas berjaya cemerlang menangani kemelut ekonomi pada 1997/1998 dan kita sebenarnya tidak mempunyai masalah untuk mengatasinya jika semua pihak menyedari tanggungjawab masing-masing.

19 Februari 2009 (Khamis)

Projek besar perlu utama rakyat: PM

Oleh Misiah Taib misiah@bharian.com

TANJUNG MANIS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu peluang pekerjaan yang dijana pelbagai projek besar di negara ini diisi sendiri anak tempatan, baik pada peringkat mahir, separuh mahir, mahupun profesional tanpa perlu bergantung kepada pekerja asing. Perdana Menteri berkata, rakyat tempatan juga tidak seharusnya hanya menjadi penonton kepada projek besar dilaksanakan di kawasan mereka, sebaliknya harus menjadi penerima manfaat paling utama. Justeru, katanya, kerajaan di setiap negeri harus mengambil kira persiapan menyediakan tenaga kerja tempatan bagi mengisi apa saja peluang pekerjaan daripada projek besar yang dibangunkan di negeri terbabit.

"Kerajaan negeri harus memberi latihan kepada anak tempatan dan bagi memastikan lebih ramai dapat dilatih, pusat latihan perlu dibawa ke kawasan mereka. "Dengan membina pusat latihan di luar bandar dan pedalaman, lebih ramai anak tempatan akan mendapat peluang dilatih bagi jangka pendek mahupun panjang," katanya berucap melancarkan Hab Halal Tanjung Manis di sini, semalam. Hab halal terbesar di Malaysia di Bandar Baru Tanjung Manis itu dibangunkan Perbadanan Perusahaan Kemajuan Kayu Sarawak (Pusaka). Ia meliputi kawasan 16,000 hektar dan dijangka mampu menarik pelaburan sehingga RM20 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang. Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber yang juga Penggerusi Pusaka, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan.

Abdullah berkata, usaha memberikan latihan kepada lebih ramai anak tempatan itu adalah antara pendekatan kerajaan yang mahu setiap projek pembangunan yang dibawa adalah untuk kebaikan rakyat dan negara. Beliau berkata, setiap wakil rakyat di negara ini juga harus komited memberikan kerjasama untuk menjayakan setiap projek pembangunan di kawasan masing-masing. "Rakyat juga harus memberi kerjasama kepada kerajaan, terutama dalam memastikan kestabilan politik terus dipelihara kerana hanya dengan keadaan politik yang stabil saja, pelabur akan datang ke negara kita untuk melabur," katanya.

Bagi pihak Kerajaan Pusat, kata Perdana Menteri, peruntukan akan terus disalurkan ke setiap negeri, termasuk Sabah dan Sarawak bagi memastikan tiada rakyat yang ketinggalan daripada arus perdana pembangunan.

19 Februari 2009 (Khamis)

Pampasan RM2.35b dibayar

KERAJAAN membayar pampasan bernilai RM2.35 bilion kepada tujuh syarikat pemegang konsesi lebuh raya kerana terpaksa menangguhkan dan penstrukturkan semula kadar tol bagi meringankan beban pengguna. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, berkata bayaran pampasan itu dibuat pada 2004 dan 2007 dengan RM552 juta dibayar dalam pampasan tunai dan RM1.8 bilion dalam pampasan bukan tunai.

"Jumlah pampasan bagi 2008 masih belum diaudit oleh juruaudit syarikat konsesi masing-masing," katanya menjawab soalan bertulis Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang) yang mahu beliau menyatakan keuntungan dan kerugian oleh pemegang konsesi kutipan tol lebuh raya serta pampasan yang terpaksa dibayar kerajaan. Mohd Zin berkata, terdapat 12 syarikat konsesi mencatatkan keuntungan dan 10 syarikat yang mengalami kerugian.

20 Februari 2009 (Jumaat)

Utara: Projek terbengkalai 28 tahun dibangun semula

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar ctfa@bharian.com.my

BDB, PKNK kerjasama pulihkan Plaza Tunku Yaakob

ALOR SETAR: Kedah bercadang membangunkan semula Plaza Tunku Yaakob di Lebuhraya Darulaman di sini yang terbengkalai sejak 28 tahun lalu menjadi pusat komersial dan hotel lima bintang, sekali gus merubah wajah bandar raya ini. Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, berkata projek akan dilaksanakan secara usaha sama tiga pihak iaitu Bina Darul Aman Berhad (BDB), Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan pemaju Bellview Sdn Bhd.

Beliau berkata, bangunan yang terbengkalai sejak 1981 itu akan dibangunkan sejurus urusan pengambilalihan tanah dan bayaran pampasan RM120 juta kepada waris dan keluarga kerabat Diraja Kedah itu selesai. "Ketika ini jawatankuasa teknikal masih berusaha menyuntik modal awal yang akan didepositkan kepada waris dan keluarga Tunku Yaacob. "Kita percaya semua urusan termasuk pengambilalihan tanah dan usaha pemulihhan bangunan dapat dilaksanakan dengan lancar," katanya.

Lokasi Plaza Tunku Yaacob yang strategik di tengah bandaraya ini selain lokasinya yang berdepan Menara Alor Setar, pada asalnya dibangunkan sebagai pusat pentadbiran komersial. Bagaimanapun, ia terbengkalai berikutan masalah perundangan termasuk usaha pengambilalihan tanah di tapak projek itu.

Azizan yakin perancangan membangunkan Plaza Tunku Yaakob berjalan lancar sejurus urusan suntikan kewangan dan masalah perundangan diselesaikan. "Kita mahu projek ini diteruskan kerana sudah lama terbengkalai dan mencacatkan pemandangan. Usaha memulihkan bangunan itu perlu dilaksanakan segera kerana selepas enam Menteri Besar, projek itu gagal disempurnakan," katanya.

20 Februari 2009 (Jumaat)

Ekonomi - Pinjaman untuk bakal pesara

Oleh Kamarulzaidi Kamis kamarulzaidi@bharian.com.my

EONCAP Islamic Bank Bhd semalam memperkenalkan dua skim pinjaman khusus untuk kakitangan awam yang bakal bersara dan pesara kerajaan, yang menawarkan pembiayaan sehingga RM100,000. Skim pinjaman itu yang juga pertama seumpamanya ditawarkan institusi kewangan tempatan, dikenali sebagai Skim Pembiayaan Gratuiti dan Skim Pembiayaan Peribadi Pesara Kerajaan. Ketua Eksekutif EONCAP Islamic, Fozia Amanulla, berkata Skim Pembiayaan

Peribadi Gratuiti membolehkan kakitangan kerajaan yang bakal bersara dalam tempoh kurang empat tahun, memohon pinjaman antara RM10,000 hingga RM100,000. Katanya, bayaran balik hanya berkuat kuasa selepas tarikh persaraan bagi tempoh antara sembilan hingga 51 bulan (atau sehingga usia 70 tahun, yang mana lebih awal) dengan kadar keuntungan rata tujuh peratus setahun. Beliau berkata, Skim Pembiayaan Peribadi Pesara Kerajaan pula menawarkan pinjaman antara RM5,000 hingga RM100,000 dengan tempoh bayaran balik antara tiga hingga 15 tahun. "Ia menawarkan kadar keuntungan rata 5.25 peratus setahun untuk pinjaman antara RM5,000 hingga RM15,000 dan 5.5 peratus setahun bagi pinjaman antara RM15,001 hingga RM100,000," katanya selepas majlis pelancaran skim itu oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop di Kuala Lumpur, semalam.

Fozia berkata, pengenalan skim pinjaman berkenaan bertujuan memberi peluang kepada kakitangan kerajaan terbabit untuk merancang pelan persaraan serta memenuhi keperluan aliran tunai. Katanya, peminjam juga boleh menggunakan pinjaman itu untuk membuka perniagaan serta melangsaikan sebarang bayaran tertunggak. Beliau berkata, pengenalan skim pinjaman itu juga seiring usaha kerajaan untuk menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). "Skim ini juga sebagai inisiatif keusahawanan kerana pesara boleh menggunakan dana itu untuk membuka perniagaan baru atau melabur dalam perniagaan sedia ada. "Kami yakin dapat menyalur sehingga RM150 juta menjelang hujung tahun ini menerusi dua skim itu, sekali gus mengembangkan asas pelanggan syarikat daripada tiga peratus kepada lapan peratus," katanya. Mengenai prospek perbankan Islam, Fozia berkata, pihaknya mensasarkan pertumbuhan pinjaman keseluruhan lapan peratus tahun ini, di sebalik situasi kelembapan ekonomi. "Tahun ini akan menjadi tahun yang sukar tetapi kalau dilihat dari sudut positif, kami yakin mampu meraih pertumbuhan pinjaman sebanyak lapan peratus." katanya.

Beliau berkata, EONCAP Islamic kini memiliki asas deposit dan pembiayaan masing-masing berjumlah RM4.3 bilion dan RM4.8 bilion. Beliau berkata, bank merancang memperkenalkan sekurang-kurangnya dua lagi produk tahun ini tetapi enggan mengulas lanjut mengenainya.

20 Februari 2009 (Jumaat)

Timur: Maip tegur korporat tak ikut prosedur salur zakat

KUANTAN: Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Maip) menegur tindakan sebahagian syarikat korporat negeri ini yang lebih gemar menyampaikan bantuan zakat secara terus kepada rakyat miskin. Timbalan Yang Dipertua Maip, Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan, berkata tindakan itu tidak mengikuti prosedur yang ditetapkan majlis serta tidak menyeluruh kepada kumpulan sasar.

Beliau berkata, mereka perlu merujuk dengan Maip sebelum menyampaikan bantuan kerana majlis mempunyai panel khas dan bantuan yang diberikan mengikut prosedur ditetapkan. "Kita bimbang jika syarikat terbabit menyampaikan bantuan secara terus maka hanya sebahagian

saja yang mendapat manfaatnya. "Ini berbeza apabila bantuan diserahkan kepada Maip kerana segala urusan pengagihan dibuat dengan lebih sistematik, telus dan sama rata," katanya selepas majlis penyerahan dan agihan zakat di Hotel Seri Malaysia, di sini semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang, Halidan Md Daud. Sejumlah RM1.35 juta zakat diserahkan kepada 14 penerima iaitu Briged Penceramah Pahang yang menerima RM1.14 juta, Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Pahang (RM100,000), Giat Mara (RM200,0000), Yayasan Nelayan Pahang (RM30,000).

Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Pahang (RM30,000), Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh (RM10,000), syarikat Indahreka Zas (RM34,560), bantuan mesin jahit (RM2,550), bantuan gerai burger (RM3,000) dan lima penerima bantuan bulanan berjumlah RM1,700.

Wan Abdul Wahid turut menerima zakat perniagaan daripada Syarikat Takaful Malaysia Berhad berjumlah RM93,292.55 dan Etiqa Takaful Berhad (RM77,159.79). Bagi memastikan syarikat korporat mengagihkan zakat kepada Maip, beliau meminta mereka berurusan dengan PKZ Pahang dalam usaha memberikan bantuan kepada golongan memerlukan.

21 Februari 2009 (Sabtu)

Utara: Dua bot nelayan langgar syarat lesen ditahan

IPOH: Gara-gara mengambil jalan mudah untuk mendapatkan hasil laut yang lumayan, sekumpulan nelayan menerima padah apabila dua buah bot mereka ditahan oleh Polis Marin Perak kerana didapati melanggar syarat lesen yang ditetapkan oleh pihak berkuasa lewat malam kelmarin. Pegawai Pemerintah Pasukan Gerakan Marin Perak, Deputi Superitendan Mohd Yazib Abdul Aziz berkata, kedua-dua bot terbabit ditahan kerana menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan terutama di kawasan berhampiran pantai. Beliau berkata, kedua-dua bot berkenaan ditahan dalam Operasi Ops Cegah Jenayah Octopus yang dilakukan di kawasan perairan Pantai Remis, Manjung kira-kira jam 11.30 malam. Katanya, kedua-dua buah bot berkenaan dikendalikan oleh dua tekong dan dua awak-awak tempatan yang berusia antara 23 hingga 40 tahun.

"Pemeriksaan mendapati bot berkenaan melanggar syarat lesen yang dibenarkan mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 iaitu menjalankan aktiviti penangkapan ikan kurang daripada lima batu nautika seperti yang dibenarkan dalam syarat lesen. "Ketika ditahan, bot berkenaan berada pada kedudukan 4.7 batu nautika dan kesemua yang ditahan diserahkan kepada Jabatan Perikanan Kampung Aceh untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Mohd Yazib berkata, operasi yang membabitkan tujuh anggota itu turut mendapat kerjasama dari Pasukan Gerakan Marin Wilayah Utara, Pulau Pinang dan diketuai oleh Sarjan Zainal Ismail.

"Tangkapan yang dilakukan ke atas nelayan terbabit adalah hasil maklumat daripada orang ramai yang melihat bot nelayan berkenaan sering menjalankan aktiviti penangkapan ikan berhampiran kawasan pantai. "Saya memberi amaran kepada pengusaha bot dan nelayan supaya tidak menjalankan aktiviti itu di kawasan yang tidak dibenarkan dan jika ingkar, pihak kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas," katanya.

Katanya, beliau menggalakkan orang ramai supaya menyalurkan sebarang maklumat mengenai kegiatan yang menyalahi undang-undang yang berlaku di perairan negara kepada pihak berkuasa. Sebelum itu, kira-kira jam 1 petang pada hari yang sama, empat anggota Polis Marin berjaya menahan sebuah kenderaan pikap jenis Mazda di Segari, Manjung kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961. "Kenderaan terbabit didapati membawa 350 liter diesel tanpa kelulusan daripada Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). "Nilai diesel berkenaan dianggarkan sejumlah RM600 dan mereka yang ditahan diserahkan kepada KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya," katanya.

21 Februari 2009 (Sabtu)

Timur: Kada bina tebatan getah atasi masalah perairan

KOTA BHARU: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) akan membina sebuah tebatan getah bernilai RM20 juta di Sungai Kelantan, dalam usaha mengatasi masalah bekalan air ke 28,600 hektar sawah di bawah pengurusannya. Pengurus Besar Kada, Ibrahim Mat, berkata tebatan itu akan dibina merentangi Sungai Kelantan, yang menjadi sumber utama dalam penyaluran bekalan air ke kawasan pertanian padi di kawasan Kada. Katanya, permohonan untuk membina tebatan itu sudah dihantar ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kada dijangkakan masalah berkaitan air itu mampu diatasi menjelang awal tahun depan, apabila projek itu diluluskan nanti.

"Isu masalah air ke kawasan pertanian Kada sudah dibangkitkan di Parlimen oleh seorang wakil rakyat dari Kelantan sebelum ini, namun tidak ada sebarang tindakan segera dilaksanakan ketika itu. "Namun begitu, saya berharap melalui permohonan yang sudah diserahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu akan direalisasikan dengan segera bagi membolehkan tebatan getah itu dibina tahun depan sekali gus mampu mengatasi masalah bekalan air ke sawah," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas meninjau kawasan tanaman padi seluas 167 hektar di bawah Skim Pengairan Lemal, Pasir Mas, yang menghadapi masalah bekalan air, dekat sini, semalam. Ibrahim berkata, setiap tahun, mulai pertengahan Januari hingga Mei, Kelantan akan mengalami musim kemarau sehingga menjelaskan bekalan pengairan ke sawah akibat paras air Sungai Kelantan yang susut. Katanya, akibat sumber bekalan air berkurangan, tiga rumah pam milik Kada iaitu Rumah Pam Kemubu, Lemal dan Kasar dekat Pasir Mas yang digunakan untuk

menyalur air ke sawah, gagal beroperasi kerana tahap air sungai berada bawah paras kritikal. "Bacaan paras air Sungai Kelantan terkini berada di bawah paras kritikal untuk Rumah Pam Kemubu iaitu 4.85 meter berbanding tahap kritikal ditetapkan 4.90 meter; Rumah Pam Lemal 1.38 meter (1.60 meter) dan Rumah Pam Kasar 1.02 meter (1.07 meter)," katanya.

Beliau berkata, masalah kekurangan sumber bekalan air ini berlaku akibat kegiatan pembalakan tidak terkawal di Hulu Kelantan sehingga menyebabkan sumber air hujan tidak dapat disimpan di kawasan berkenaan bagi menampung keperluan musim kemarau. "Bagi mengatasi masalah bekalan air ini, Kada menyediakan 144 buah pam air bergerak untuk mengepam air dari sebarang sumber bekalan air berdekatan bagi disalurkan ke sawah terbabit selain 78 unit saluran penyampai air untuk jajahan Pasir Mas dan Tumpat," katanya.

21 Februari 2009 (Sabtu)

Timur: UiTM buka cawangan di Tepoh

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin hanneeyzah@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan membuka kampus di Tepoh, dekat sini, sekali gus membantu kerajaan negeri merealisasikan matlamat menjadikan Terengganu pusat pendidikan dan ilmu di pantai timur. Pengurus Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Ahmad Razif Abd Rahman, berkata cadangan pembukaan kampus ketiga UiTM di Terengganu itu sudah dibincangkan dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan kerajaan negeri sudah mengenal pasti tapak seluas 40 hektar di Sungai Ikan, Tepoh.

Beliau berkata, pembukaan kampus ketiga selepas Dungun dan Bukit Besi membolehkan sasaran UiTM melahirkan lebih 200,000 graduan setiap tahun tercapai, selain menyediakan tempat untuk menampung keperluan pengajian tinggi pelajar cemerlang di pantai timur terutama Terengganu sendiri. "Kita mahu jadikan kawasan Parlimen Kuala Nerus sebagai hab pendidikan sehingga peringkat antarabangsa. Kita sudah ada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta Universiti Darul Iman (UDM) di Gong Badak dan UiTM di Tepoh ini akan memperluaskan jaringan pendidikan, khususnya di peringkat pengajian tinggi.

"Kita juga tidak mahu pelajar cemerlang di negeri ini tidak ada tempat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Kita suruh mereka belajar bersungguh-sungguh di peringkat sekolah, tetapi apabila dapat keputusan cemerlang, tidak ada tempat untuk belajar di universiti. Ia akan meninggalkan kesan tidak baik untuk jangka panjang. "Macam mana kita nak lahirkan graduan cemerlang jika kita tidak sediakan pusat pengajian. Ini juga akan membantu hasrat melahirkan sekurang-kurangnya seorang graduan dalam satu keluarga. Dengan cara ini saja mereka dapat membawa keluarga keluar daripada kepompong kemiskinan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Pendidikan, Latihan dan Kerjaya (Edu-Care) 2009 di UMT di sini, semalam. Hadir sama Pengurus Edu-Care, Prof Madya Dr Khalid Samo. Edu-Care kali ke-13 dianjurkan UMT dengan kerjasama kerajaan negeri itu diadakan bertujuan mengembangkan maklumat pendidikan, penajaan dan kerjaya di pantai timur, memasarkan program pendidikan tinggi dan peluang latihan, membantu negara memartabatkan pendidikan ke taraf antarabangsa dan mempersiapkan warga negara dengan maklumat pendidikan mantap. Sebanyak 26 IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta serta 20 institusi kemahiran dan agensi di bawah kelolaan KPT menyertai Edu-Care kali ini. Selain itu, Ahmad Razif berkata, UiTM Tepoh yang dijangka menawarkan beberapa kursus penting untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan tempatan juga akan memberi pulangan ekonomi yang besar khususnya kepada penduduk setempat dan kerajaan negeri.

21 Februari 2009 (Sabtu)

RM70 juta dilulus baiki tanah runtu

Oleh Nazura Ngah

Kabinet percepat kerja pulih Bukit Antarabangsa

KUALA LUMPUR: Kabinet semalam meluluskan peruntukan RM70 juta untuk kerja pembaikan dan pengukuhan kawasan tanah runtu di Bukit Antarabangsa menggunakan kaedah kejuruteraan terkini. Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, berkata kerja pemulihan dijalankan seawal minggu depan selepas kementerian selesai melantik tiga hingga empat kontraktor untuk melaksanakannya. Katanya, kerja pemulihan yang menggunakan pelbagai kaedah, seperti hand dug caisson dan soil nail micropile membabitkan kawasan runtuh yang meranapkan 14 banglo serta 44 kediaman yang diisyiharkan berisiko untuk didiami. Katanya, 44 daripada 256 pemilik rumah yang terbabit dalam tragedi tanah runtu pada 6 Disember lalu perlu menunggu enam bulan lagi sehingga kerja pemulihan dan pengukuhan selesai dijalankan. Daripada jumlah itu, 13 unit di Taman Bukit Mewah, Taman Bukit Jaya (lapan unit) dan 23 unit di sepanjang Jalan Wangsa 9. "Baki 212 pemilik pula dibenarkan pulang ke rumah mereka tanpa perlu menunggu notis daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). "Bagaimanapun kementerian akan menghantar notis kebenaran menduduki kediaman kepada MPAJ esok (hari ini) untuk diserahkan kepada pemilik rumah," katanya pada sidang media di Kementerian Kerjaraya di sini, semalam.

Terdahulu media diberi taklimat mengenai tanah runtu di Bukit Antarabangsa oleh Pengarah Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya, Datuk Dr Ashaari Mohamad. Dalam kejadian awal pagi 6 Disember lalu itu, empat terkorban, manakala 14 banglo musnah. Kejadian itu juga menyebabkan 93 keluarga di kawasan bertanda merah antaranya Kondominium Impian Selatan, Blok B1, Jalan BJ 6A Taman Bukit Jaya dan Jalan Wangsa 11 tidak dibenarkan pulang sehingga laporan status kediaman mereka diperoleh. Mengulas rasa tidak puas hati mangsa berikutan kelewatan tindakan kerajaan, Mohd Zin berkata, kerajaan prihatin

dengan masalah penduduk dan beban ditanggung mangsa, tetapi pengumuman tidak boleh dibuat sehingga kelulusan permohonan dibuat. Beliau berkata, bagi memastikan kawasan runtuh dan sekitarnya selamat untuk diduduki, kerja pembaikan dan pengukuhan kawasan keseluruhan dijangka mengambil masa dua tahun. "Tanggungjawab memulihkan kawasan tanah runtuh di Bukit Antarabangsa terletak pada pemaju atau pemilik tanah yang gagal mematuhi spesifikasi pembangunan cerun bukit dan pihak berkuasa termasuk MPAJ dan kerajaan Selangor. "Bagaimanapun, kerajaan sedar jika menunggu pihak yang bertanggungjawab itu mengeluarkan belanja, ia sudah mengambil masa lama. "Kementerian akan membuat tuntutan balik bagi perbelanjaan pembaikan dan pengukuhan daripada mereka yang bertanggungjawab terhadap kejadian itu," katanya.

22 Februari 2009 (Ahad)

MAIWP mahu bangunkan Sekolah Imtiaz RM100j

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil inasalwa@bharian.com.my



ZULHASNAN beramah mesra dengan sebahagian daripada pelajar pada majlis Anugerah Pelajar Cemerlang UPSRA Parlimen Setiawangsa 2008 di sini, semalam.

Projek kesinambungan 'Pintar Quran' akan siap 2012

KUALA LUMPUR: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan membangunkan Sekolah Tahfiz-Sains atau Sekolah Imtiaz bernilai RM100 juta di kawasan seluas 8.8 hektar di Setiawangsa di sini. Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, berkata Sekolah Imtiaz yang bermaksud 'kecemerlangan', iaitu kesinambungan daripada program 'Pintar Quran' itu dijangka siap pada 2012. Beliau berkata, penubuhan sekolah itu, yang diilhamkan daripada empat Sekolah Imtiaz di Terengganu, dilihat sebagai satu lagi alternatif untuk pelajar di bandar raya melanjutkan pelajaran pada peringkat menengah dalam aliran agama. "MAIWP sudah mengeluarkan peruntukan awal RM30 juta untuk memastikan pembinaan sekolah ini dapat dilaksanakan. "Kita jangka pembinaan ini mengambil masa tiga tahun. Untuk itu, kerja pecah tanah akan dilakukan dalam tempoh terdekat ini," katanya pada majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA) Parlimen Setiawangsa 2008 di sini, semalam.

Zulhasnan berkata, pihaknya amat teruja dengan konsep Sekolah Imtiaz kerana matlamatnya bukan saja untuk melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang agama dan akademik malah dapat menguasai Sains, Matematik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta kemahiran kepemimpinan. Katanya, Sekolah Imtiaz menggunakan kaedah pembelajaran ‘super learning’ yang akan melahirkan pelajar ‘salih pintar’. “Satu lagi ciri sekolah ini ialah pengenalan program khas ‘Ulul Albab’ yang mana setiap pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga diwajibkan menghafaz 30 juzuk al-Quran. “Setakat ini, empat Sekolah Imtiaz sudah diwujudkan di Terengganu dan Insya-Allah sekolah kelima Imtiaz akan diwujudkan di Setiawangsa,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Setiawangsa berkata, selain Sekolah Imtiaz, MAIWP turut membina satu lagi Sekolah Menengah Agama (SMA) yang dibangunkan di tanah 3.36 hektar di Bandar Sri Permaisuri di sini. Katanya, sekolah menengah berasrama penuh itu yang dijangka siap tahun depan berupaya menampung seramai 1,200 pelajar. Pada majlis itu, seramai 70 pelajar cemerlang yang mendapat 6A dalam UPSRA 2008 di tujuh sekolah rendah agama di Parlimen Setiawangsa turut diraikan. Mereka menerima sijil penghargaan yang ditandatangani oleh Zulhasnan selain wang tunai RM50 sebagai menghargai kecemerlangan mereka.

22 Februari 2009 (Ahad)

SPNB baik pulih 73 projek rumah

Oleh Irwan Shafrizan Ismail irwansha@bharian.com.my



ADNAN (dua dari kanan) melihat model Rumah Mesra Rakyat selepas menyampaikan replika kunci kepada pembeli rumah di Cherating, semalam. Turut hadir Azian (kiri).

23,089 unit terbengkalai berjaya disiapkan hingga 31 Januari lalu

KUANTAN: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berjaya membaik pulih 73 projek perumahan terbengkalai merangkumi 23,089 unit rumah di seluruh negara setakat 31 Januari lalu. Pengurusnya, Datuk Azian Osman, berkata sepanjang tempoh berkenaan, 19 projek perumahan berjaya dibaik pulih menerusi bantuan kewangan manakala 54 projek lagi menerusi khidmat nasihat serta kepakaran SPNB. Beliau berkata, di Pahang saja, tujuh projek terbengkalai berjaya dibaik pulih membabitkan 2,565 unit rumah. "SPNB sedang membaik pulih dua projek di Kuantan iaitu Taman Datuk Rashid dan Taman Sungai Karang Darat yang membabitkan 958 unit rumah," katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Mampu Milik

(RMM) Perkampungan Cherating Damai dan Rumah Mesra Rakyat (RMR), di Cherating, dekat sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob. Pada majlis itu seramai 15 pembeli menerima kunci rumah masing-masing manakala lima lagi menerima surat tawaran pemilikan rumah. Selain itu, Azian berkata SPNB juga komited membangunkan 126 projek perumahan mampu milik di seluruh negara membabitkan 118,475 unit di bawah program RMM kepada golongan kurang berkemampuan. "Di Pahang, SPNB mensasarkan pembinaan lapan projek RMM merangkumi 3,335 unit rumah pelbagai jenis di Kuantan, Temerloh, Rompin, Pekan dan Maran," katanya.

Beliau berkata, SPNB turut menyediakan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah menerusi program RMR. "Statistik seluruh negara hingga 1 Februari lalu mencatatkan SPNB berjaya membina 7,972 unit manakala 7,623 lagi pada peringkat pembinaan dan perjanjian dengan di Pahang 503 unit RMR sudah disiapkan dan 543 lagi masih dalam pembinaan," katanya. Sementara itu Adnan berkata, projek rumah terbengkalai banyak memberi masalah bukan saja kepada pembeli malah wakil rakyat dan kerajaan negeri. "Selepas SPNB ambil alih, rumah ini dapat disiapkan dan penghargaan diberikan kepada kerajaan atas mekanisme membantu menyediakan rumah kos rendah. "Kerajaan negeri juga akan megenal pasti kawasan sesuai atau tanah kosong bagi membina rumah kos rendah, tapi Kerajaan Persekutuan perlu belanja sedikit untuk jana ekonomi dan beri pulangan perumahan kepada rakyat," katanya.

23 Februari 2009 (Isnin)

Batal bina LCCT Labu muktamad

Daripada Zulkofli Jamaludin zuljam@bharian.com.my



TIMBALAN Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (tengah) di Mesyuarat Khas Menteri Kewangan Asean (AFMM) + 3 (China, Jepun dan Korea Selatan) di Phuket, Thailand, semalam. AFMM diadakan terdahulu dari mesyuarat tahunan AFMIM di Bali pada bulan Mei akan datang bagi membolehkan perbincangan dan mengemukakan cadangan pemimpin yang akan hadir di Hua Hin untuk Sidang Kemuncak Asean ke-14 minggu depan. Najib juga dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan Menteri Kewangan China, Xuren Xie dan Menteri Kewangan Indonesia, Sri Mulyani Indrawati.

Terminal Penerbangan Tambang Murah baru beralih ke KLIA: TPM

PHUKET (Thailand): Keputusan kerajaan menolak cadangan Sime Darby Bhd dan AirAsia Bhd untuk membina Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) baru berharga RM1.6 bilion di Labu, Negeri Sembilan, sudah muktamad. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata LCCT baru itu sebaliknya akan dibina di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata projek LCCT di Labu itu tidak diteruskan kerana mengikut cadangan asal, Sime Darby tidak akan menampung kos pembinaan infrastrukturnya bernilai RM800 juta.

"Saya sudah mendapat pengesahan surat hitam putih Sime Darby. Jika mereka tidak memberi sumbangan, maka tidak ada asas nak dipertimbangkan. "Mereka (Sime Darby) hanya menjual tanah kepada pihak yang akan bina LCCT. Jika Malaysia Airport (Holdings Bhd) bina, dia akan jual kepada MAHB," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Kewangan Asean + 3 di sini, semalam. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika mengulas laporan bahawa cadangan pembinaan LCCT di Labu itu masih dalam perbincangan antara kerajaan dan pihak berkaitan.



LCCT Sepang.

Beliau berkata, LCCT baru akan dibina di KLIA, tetapi kaedah tuntutan AirAsia berkaitan soal bayaran tempat meletak kapal terbang dan perkara lain masih dalam rundingan. Sebelum ini, Najib dilaporkan berkata, cadangan Sime Darby dan AirAsia untuk membina LCCT di Labu akan dikaji semula kerana kerajaan akan melihat dari semua sudut kewajaran projek itu selepas menerima pelbagai reaksi berhubung cadangan berkenaan. Minggu lalu, Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, pula berkata cadangan pembinaan LCCT di Labu masih dalam perbincangan antara kerajaan dan AirAsia. "Kerajaan meluluskan secara prinsip saja (dengan melihatnya) sebagai bentuk pelaburan dan pemohon perlu menelitiinya berdasarkan aspek keselamatan dan keperluan teknikal, tetapi ia masih dalam perbincangan," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, jumlah sebenar bajet mini yang dijadual dibentangkan di Parlimen 10 Mac ini belum diputuskan dan sebarang laporan mengenainya hanya spekulasi semata-mata. "Saya akan umumkan jumlahnya di Parlimen. Apa yang dikatakan sekarang adalah spekulasi," katanya sambil menambah peruntukan itu lebih besar berbanding pakej rangsangan ekonomi yang diluluskan November lalu. Beliau mengulas laporan akhbar berbahasa Cina semalam yang memetik Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha sebagai berkata, kerajaan memperuntukkan RM30 bilion untuk bajet mini bagi menangani krisis ekonomi.

23 Februari 2009 (Isnin)

Rencana - Menangani bencana alam angkara manusia

Oleh Ibrahim Komoo

SEJAK beberapa bulan terakhir ini, Malaysia kelihatan seperti sebuah negara yang berada dalam zon bencana alam serius. Apa tidaknya, bermula dengan beberapa tragedi tanah runtuhan di Selangor, termasuk Bukit Antarabangsa, batuan runtuhan di Ipoh, tanah runtuhan di Miri, dan banjir besar di beberapa daerah, termasuk di Sabah dan Sarawak. Walhal, Malaysia sebetulnya boleh dikategorikan sebagai negara yang 'hampir bebas' daripada bencana alam. Malaysia pada umumnya bukan sebuah negara yang bergunung-ganang, dengan ramai penduduk tiada pilihan, melainkan terpaksa tinggal di kawasan pergunungan yang berisiko tanah runtuhan. Sungai kita tidak terlalu panjang dan berdataran banjir yang luas sehingga penempatan yang sesuai untuk membina kawasan perumahan amat terhad. Negara kita juga jauh daripada 'jalur lingkaran api', di mana bencana gempa bumi, tsunami dan letusan gunung berapi – berada pada tahap risiko yang sangat rendah. Begitupun, negara kita begitu prihatin dengan rakyatnya yang ditimpa bencana alam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika menyampaikan bantuan kepada mangsa tanah runtuhan dan banjir di Miri baru-baru ini, antara lain menyatakan negara kita terkehadapan dan sering diteladani dalam konteks respon kepada mangsa bencana. Kerajaan menyediakan peruntukan lebih RM200 juta setahun untuk membantu rakyat ditimpa bencana, dan beberapa tahun terakhir ini, negara sudah membelanjakan hampir RM1 bilion setiap tahun untuk membantu dan membaikpulih infrastruktur akibat bencana banjir dan tanah runtuhan. Bencana alam adalah isu yang sangat kompleks dan bersifat rentas sektor. Sangat sukar meramalkan bila, di mana, dan magnitud sesuatu kejadian bencana. Banyak kejadian bencana, hanya jelas dapat dilihat impaknya selepas berlaku, selepas mengorbankan nyawa dan harta benda. Oleh itu, tidak hairanlah kebanyakan negara membangun lebih banyak memberikan tumpuan dan membuat persediaan untuk respon apabila bencana menimpa rakyatnya. Walaupun, respon sangat perlu – menyelamatkan nyawa, mengawal kerosakan yang lebih besar dan mententeramkan keresahan masyarakat awam, pada hakikatnya respon hanya satu usaha terakhir yang mesti dilakukan untuk menangani bencana. Mengurus bencana secara lebih efektif ialah dengan menyediakan rancangan jangka panjang berstrategi bagi mengurangkan risiko bencana.

Proses pengurangan risiko bencana yang paling asas ialah penyelidikan dan pengumpulan maklumat mengenai bencana secara berterusan. Apabila kita mempunyai maklumat mengenai cirian curahan hujan untuk 500 tahun terakhir, kita akan dapat meramal dengan kepercayaan yang tinggi mengenai corak curahan hujan untuk 500 tahun akan datang. Apabila kita peta dengan terperinci kawasan di landa banjir, kedalaman air banjir, kelakuan curahan hujan, jenis pembangunan ketika itu dan impaknya, sebetulnya kita sudah mempunyai maklumat penting untuk berdepan risiko bencana banjir pada masa akan datang. Begitu juga dengan kejadian tanah runtuhan, sama ada ia mengorbankan nyawa atau tidak, pengetahuan mengenai

kedudukan, saiz, mekanisme kegagalan, faktor penyebab dan pencetus, dan impaknya adalah maklumat paling penting untuk membolehkan kita meramal potensi dan risiko kejadian tanah runtuh akan datang. Lebih banyak dan tepat maklumat terkumpul, lebih mudah dan jelas bagi kita meramalkan dan merancang tindakan yang boleh diambil untuk meminimumkan impaknya kepada masyarakat dan harta benda. Pendekatan pengurangan risiko bencana yang paling efektif ialah dengan mewujudkan dasar dan perancangan pengurusan bencana secara bersepadu dan jangka panjang. Ada tiga situasi kawasan berisiko bencana ditangani dalam konteks perancangan.

Pertama, kawasan yang sudah dibangun berada pada zon berisiko bencana. Kawasan seperti ini memerlukan perhatian serius dan tindakan pengurangan risiko bencana secara berterusan. Penilaian dan pemantauan terperinci mengenai risiko bencana diperlukan, dan keputusan perlu dicapai sama ada kerja membaikpulih atau pengukuhan boleh dilakukan bagi mengelak kejadian bencana, atau tindakan drastik mesti diambil untuk memindahkan komuniti yang terperangkap dengan risiko bencana yang tinggi ke kawasan lebih selamat. Ada kalanya proses pemindahan boleh dilakukan menerusi proses perancangan secara beransur-ansur melalui konsep 'pembaharuan bandar', dan secara jangka panjang sesuatu kawasan berisiko bencana dijadikan zon guna tanah baru yang tidak menimbulkan risiko bencana kepada masyarakat.

Kedua ialah kawasan yang sudah ditetapkan sebagai zon pembangunan tetapi berdepan risiko bencana yang tinggi. Sebahagian daripada tapak sudah diperuntukkan untuk pembangunan tertentu dan sebahagian lagi masih dalam proses perancangan. Dalam situasi begini, Kerajaan Persekutuan dan negeri perlu mempunyai 'kekuatan politik' untuk membuat keputusan baru bagi mengelak kawasan berkenaan terus dibangunkan lantas berhadapan risiko bencana. Proses pendidikan awam, perbincangan sehingga membuat keputusan menang-menang, dan tindakan tegas perlu diambil untuk keselamatan awam.

Ketiga, kawasan milik kerajaan atau awam yang sememangnya sudah diisyiharkan sebagai hutan simpan atau kawasan pertanian, dan berada dalam zon berisiko bencana tinggi. Kawasan begini seharusnya dikekalkan dalam zon guna tanah sedia ada dan diisyiharkan juga sebagai kawasan berisiko bencana alam yang tidak harus dibenarkan untuk di ubah-guna menjadi kawasan pembangunan atau penempatan yang boleh menimbulkan masalah keselamatan awam pada masa akan datang. Pendekatan paling berkesan untuk mengurangkan risiko bencana ialah pendidikan awam atau komuniti. Apabila masyarakat memahami dan menghayati konsep risiko bencana di sekitarnya, mereka boleh membuat keputusan sama ada untuk terus berdepan dengan risiko bencana atau bertindak dengan lebih bijak untuk memilih tinggal di tempat lebih selamat.

Pendidikan awam perlu dilakukan secara berterusan, pengetahuan mengenai bencana perlu diterapkan dalam sistem pendidikan formal di sekolah dan universiti, dan pendidikan tidak formal melalui pelbagai cara, terutama bagi kawasan yang dikenal pasti berisiko bencana. Salah satu cara paling berkesan ialah menyediakan pusat maklumat, galeri atau muzium khas di kawasan yang pernah mengalami bencana besar, dan ini akan terus mengingatkan komuniti serta pengunjung di kawasan terbabit bahawa bencana pernah berlaku, dan boleh berlaku lagi

pada masa depan. Kesedaran dan penghayatan komuniti mengenai risiko bencana penting sebagai 'ejen perubahan'. Apabila wujud desakan masyarakat, akan wujud pula dasar dan keprihatinan kerajaan untuk memberikan perhatian serius mengenai risiko bencana. Akhirnya, pihak pemaju atau swasta terpaksa akur dengan kehendak masyarakat umum.

Malaysia bukanlah negara yang berdepan bencana serius dan sukar dibendung. Kejadian bencana alam paling meluas ialah banjir sungai – komuniti yang terbabit sudah mampu menyesuaikan diri dengan bencana. Bagaimanapun, usaha berterusan perlu dilakukan untuk mengurangkan risiko bencana dan pada masa sama, memastikan lebih ramai komuniti dibebaskan daripada terus berdepan risiko bencana banjir ini. Banjir kilat di kawasan perbandaran seperti Kuala Lumpur adalah banjir angkara manusia. Negara perlu membelanjakan wang yang banyak untuk menangani kesilapan yang kita lakukan pada masa lalu. Bencana tanah runtuhan pula mula menjadi semakin serius di kawasan perumahan dan perbandaran disebabkan kerakusan pemaju yang ingin mengaut keuntungan tanpa memberi perhatian serius mengenai keselamatan awam. Langkah jangka panjang yang paling efektif ialah usaha menghindar dan mengurangkan risiko bencana, bukannya tertumpu kepada aktiviti respon saja apabila berlaku bencana.

Prof Datuk Dr Ibrahim Komoo ialah Pengarah Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI), UKM

24 Februari 2009 (Selasa)

Sentral: Pembinaan 3 sekolah wajar dipercepat

SEREMBAN: Kementerian Pelajaran diminta mempercepatkan pembinaan bangunan tiga sekolah menengah di negeri ini yang terpaksa menumpang dan beroperasi di sekolah berdekatan kerana belum memiliki bangunan sendiri. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata tiga sekolah berkenaan yang belum memiliki bangunan sendiri ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seremban Jaya 2, SMK Senawang 3 dan SMK Warisan Puteri. "Ketiga-tiga sekolah itu ditubuhkan kira-kira tiga tahun lalu tetapi sehingga hari ini mereka belum memiliki bangunan sendiri. Kita berharap Kementerian Pelajaran memberi keutamaan membina bangunan ketiga-tiga sekolah berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah-Sekolah Menengah Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau di SMK Sendayan, dekat sini. Mohamad mengulas mengenai perkembangan pembinaan bangunan tiga sekolah berkenaan yang ditubuhkan pada 2007, bermula dengan pengambilan pelajar tingkatan satu, tetapi hingga kini pelajar terpaksa menumpang di sekolah lain. Ini berikutan pembinaan bangunan sekolah berkenaan belum dilaksanakan menyebabkan sebahagian besar ibu bapa kecewa kerana terpaksa menunggu untuk suatu tempoh yang belum tentu untuk melihat bangunan sendiri sekolah anak mereka. Kebimbangan utama ibu bapa ialah

ketiadaan bangunan sendiri akan menjelaskan sesi pengajaran dan pembelajaran, terutama pada tahun ini, anak mereka akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Selain itu, menumpang di sekolah lain dan belajar pada waktu petang menyebabkan pelajar berada dalam keadaan tidak selesa. Sementara itu, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (JPNS), Datuk Abdullah Mohamad, memberi jaminan pelajar tiga sekolah itu tetap menerima kemudahan seperti dinikmati pelajar sekolah lain walaupun menumpang di sekolah lain. "Walaupun menumpang di sekolah lain yang berdekatan, tiga sekolah terbabit memiliki pentadbiran sendiri, termasuk pengetua dan guru. Cuma sesi persekolahan dijalankan pada waktu petang," katanya.

24 Februari 2009 (Selasa)

Ekonomi - 'Penyusutan nilai aset bukan kerugian sebenar'

KEMEROSOTAN nilai portfolio pelaburan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) sebanyak RM17.8 bilion atau 20.18 peratus bukan kerugian sebenar, kata Datuk Seri Najib Razak. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, ia adalah kemerosotan nilai saham syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tersenarai di bawah Khazanah yang keseluruhannya berpunca akibat kemerosotan pasaran saham global. Secara dasarnya, beliau berkata, kedudukan kewangan syarikat GLC yang dikuasai Khazanah kekal kukuh dengan nilai aset boleh direalisasikan (RAV) berbanding liabiliti sebanyak 1.9 kali ganda, hasil pengukuhan kedudukan kewangan GLC berkenaan sejak Program Transformasi GLC dilaksanakan pada 2004. "Penyusutan nilai aset tidak boleh disamakan dengan kerugian kewangan kerana nilai itu belum direalisasikan dan akan hanya dicatat sekiranya Khazanah melepaskan pegangannya dalam pelaburan berkenaan pada masa ini," katanya.

"Kerugian RM18 bilion yang dicatat Khazanah seperti dilaporkan akhbar pada 20 Januari 2009 merujuk kepada RAV bagi portfolio pelaburan Khazanah yang susut RM17.8 bilion, iaitu daripada RM88.2 bilion pada 31 Mei 2008 kepada RM70.4 bilion pada 31 Disember 2008," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Wee Choo Keong (PKR-Wangsa Maju) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam. Sebagai pelabur strategik jangka sederhana dan panjang, Najib berkata, Khazanah komited mengekalkan pegangan strategiknya dalam syarikat GLC di bawahnya, terutama yang berkepentingan nasional dalam usaha memelihara kepentingan syarikat terbabit. Sehingga 31 Disember lalu, katanya, Khazanah memiliki pegangan dalam kira-kira 50 syarikat, sembilan daripadanya berada dalam kelompok 20 GLC tersenarai yang terbesar.

Beliau berkata, pegangan Khazanah dalam sembilan syarikat GLC itu ialah Bumiputra-Commerce Holdings Bhd (BCHB) dengan ekuiti 28.42 peratus, Malaysia Airports Holdings Bhd

(72.74 peratus), Malaysian Airline System Bhd (MAS) (69.33 peratus), Pos Malaysia Bhd (32.21 peratus). Proton Holdings Bhd (42.74 peratus), Telekom Malaysia Bhd (41.78 peratus), TM International Bhd (44.51 peratus), Tenaga Nasional Bhd (37.81 peratus) dan UEM Land Bhd (77.1 peratus). Bagi prestasi kewangan sembilan syarikat GLC yang tersenarai di bawah Khazanah bagi tahun kewangan berakhir 2006 hingga 2008, Najib berkata, BCHB untung RM1.504.43 juta pada 2006 dan RM2.793.27 juta (2007). Seterusnya, Malaysia Airport untung RM170.33 juta (2006) dan RM288.86 juta (2007); MAS rugi RM136.43 juta (2006) dan untung RM851.42 juta (2007). Pos Malaysia untung RM108.23 juta (2006) dan rugi RM33.66 juta (2007), Proton untung RM46.69 juta (2006), rugi RM589.53 juta (2007) dan untung RM184.55 juta (2008). Telekom Malaysia untung RM2,068.80 juta (2006) dan RM2,547.70 juta (2007); TM International untung RM683.52 juta (2007), TNB untung RM2,126.90 juta (2006), RM4,061.10 juta (2007) dan RM2,594.00 juta (2008) serta UEM World untung RM128.89 juta (2006) dan RM739.38 juta (2007).

24 Februari 2009 (Selasa)

'Tiada kompromi penjawat awam salah guna kuasa'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan individu sebarang agensi awam yang didapati bersalah menyalahguna kuasa, termasuk pasukan polis. Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan menganggap salah laku sebagai amat serius dan harus dikenakan tindakan sewajarnya. "Kita anggap (salah guna kuasa) sebagai serius... pendirian kerajaan ialah tidak bertolak ansur dengan sebarang salah guna kuasa. Kalau ada individu dalam mana-mana organisasi (kerajaan) didapati salah guna kuasa, tindakan sewajarnya akan diambil. "Bagaimanapun, (tindakan) itu selepas siasatan terperinci dilakukan terlebih dulu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masyarakat India di Parlimen, di sini semalam.

Mesyuarat dihadiri Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam serta Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu. Beliau diminta mengulas dakwaan pemimpin pembangkang wujud keresahan rakyat berhubung cara polis menembak mati enam lelaki India di Kampung Kemunting, Karangan, Kulim, pada 17 Februari lalu. Ahli Parlimen Padang Serai, N Gobalakrishnan dilapor mempersoalkan alasan tindakan polis menembak suspek dan memohon penerangan kerajaan sama ada polis membelaangi prosedur penangkapan dan peruntukan undang-undang. Beliau memohon siasatan dilakukan bagi memastikan mereka yang ditembak mati tidak dizalimi dan polis melaksanakan tanggungjawab dengan mengikut prosedur serta undang-undang. Polis sebelum ini memaklumkan semua lelaki berusia antara 20 hingga 50 tahun itu dipercayai aktif dalam kegiatan rompakan bersenjata api di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Dalam perkembangan lain, Najib berkata, Barisan Nasional (BN) belum memutuskan calon serta parti untuk Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Selambau. "Itu kemudian (memilih calon), biar Majlis Tertinggi BN buat keputusan," katanya.

Najib juga berkata kerajaan akan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan komposisi kaum dalam sektor perkhidmatan awam serta pengagihan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dilaksanakan secara adil dan saksama. Beliau mengambil contoh jumlah kaum India dalam sektor perkhidmatan awam ketika ini hanya 44,362 orang atau 4.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kakitangan. "Kerajaan mahu sektor awam mencerminkan komposisi kaum dan langkah tertentu akan diambil supaya jumlah itu ditingkatkan hingga mencapai 7.4 peratus mengikut komposisi kaum negara ini. "Bagaimanapun meritokrasi tidak boleh diketepikan, tetapi ada peluang baik untuk masyarakat India menambah penyertaan mereka dalam sektor awam," katanya. Najib berkata, Kabinet bersetuju pengagihan biasiswa JPA kepada pelajar cemerlang disalurkan kepada semua kaum mengikut komposisi supaya lebih adil dan saksama. Katanya, mesyuarat turut membincangkan kemajuan projek pembinaan, baik pulih dan naik taraf kemudahan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dikendalikan Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui peruntukan RM50 juta.

25 Februari 2009 (Rabu)

Rencana - ECER berkembang ketika dunia berdepan kegawatan

Oleh Jami'ah Shukri jamia@bharian.com.my



PELABUHAN Kuantan bakal jadi pusat perdagangan penting yang menjana ekonomi Pantai Timur.

Pembukaan pejabat majlis pembangunan di Kuantan jadikan Malaysia hab pelaburan Asia Pasifik

DI sebalik kegawatan ekonomi global yang turut melanda negara, projek pembangunan koridor wilayah tetap diteruskan, seperti dirancang kerana ia dijangka boleh membantu menggerakkan kegiatan ekonomi. Misalnya, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Ecer) kini mempergiatkan usaha meneruskan segala projek dirancang, selepas pembukaan pejabat majlis pembangunan Ecer di Kuantan, Isnin lalu. Ketua Eksekutif Ecer, Datuk Jebasingam Issace John memberi jaminan di sebalik kelembapan ekonomi dan persekitaran politik, kerajaan terus komited dalam usaha untuk membawa pembangunan kepada wilayah Pantai Timur. Katanya, Kuantan, sebagai contoh, mampu menjadi pintu masuk rantau Asia Pasifik dalam pelbagai sektor selain hab logistik dan marin utama di barat dan selatan Semenanjung.

"Negeri itu bakal menjadi hab pengeluaran, pembuatan, pemasangan dan pengedaran automotif dan juga pusat pembangunan reka bentuk automotif, dengan sokongan institusi pendidikan. "Penubuhan pejabat itu menunjukkan kehadiran Ecer secara menonjol di Pahang untuk mempromosikan projek Ecer, mewujudkan kesedaran tinggi, menghulur bantuan, mengawal selia serta menyediakan maklumat mengenai semua projek Ecer kepada penduduk Pahang. "Dengan mengambil langkah mengaktifkan Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan pada peringkat negeri, koordinasi yang lebih baik dapat diwujudkan antara usahawan, peniaga, agensi dan jabatan kerajaan," katanya.

Penubuhan pejabat majlis itu di Pahang dan pejabat seumpamanya di Kelantan dan Terengganu tepat pada masa sekarang kerana Ecer akan mengorak langkah untuk mewujudkan satu pusat sehenti bagi mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan pelabur. Pusat sehenti ini akan menjadi satu medan perhubungan bagi bakal pelabur dengan kewujudan projek Ecer yang sedang dilaksanakan. Laporan menunjukkan pelaburan sektor swasta di dalam Ecer sepanjang 2007 sehingga 31 Disember lalu sebanyak RM16.6 bilion, dan RM5.37 bilion adalah berikutan komitmen kerajaan Pahang meliputi gugusan pelancongan, pembuatan dan pertanian. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sebanyak 45 projek dikenal pasti di bawah ECER untuk dilaksanakan di Pahang, meliputi 32 projek adalah eksklusif untuk kerajaan negeri, selain 13 projek merentasi sempadan membabitkan kerjasama negeri berjiran. Sepanjang tahun lalu, sebanyak 24 projek dilaksanakan, 11 lagi bermula pertengahan tahun ini, tujuh sebelum akhir tahun, manakala tiga projek terakhir pula dimulakan tahun depan.

Jebasingam berkata, pusat itu akan memproses dan menyelaraskan permohonan insentif cukai dan insentif tanpa cukai sebelum mendapat kelulusan pada peringkat Kementerian Kewangan; pelaburan bagi projek berimpak tinggi untuk dipertimbangkan Jawatankuasa Kabinet bagi Pelaburan. Sebagai tambahan, lesen pengilangan dan jawatan ekspatriat dalam projek akan diluluskan di dalam ECER. Katanya, pusat sehenti ini juga akan menyediakan perkhidmatan kaunseling dan nasihat kepada pelabur, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi wilayah dengan lebih berkesan, sejajar dengan matlamat yang terkandung di dalam pelan induk ECER.

Taman Pengeluaran Makanan Kekal dilancarkan, pada Januari tahun lalu, berkembang dengan pantas sejak dimulakan. Pada Disember lalu, keseluruhan kawasan seluas 2,396 hektar disediakan untuk projek penanaman komersial yang menarik sebanyak 23 usahawan pertanian dan 27 syarikat komersial. Kira-kira 83.7 peratus daripada keluasan tanah ditawarkan kepada syarikat komersial sudah ditanam dengan buah-buahan. Pendekatan pembangunan gugusan yang diguna pakai di sini akan menyaksikan kemunculan lain-lain industri sokongan dan mengembangkan sistem serta daya saing rangkaian pembekalan. Jebasingam berkata, kerajaan Pahang juga memiliki potensi amat besar untuk pembangunan pelancongan, pembuatan, sektor



Kuantan mampu menjadi pintu masuk rantaui Asia Pasifik dalam pelbagai sektor selain hab logistik dan marin utama di barat dan selatan Semenanjung. Ia bakal menjadi hab pengeluaran, pembuatan, pemasangan dan pengedaran automotif dan juga pusat pembangunan reka bentuk automotif, dengan sokongan institusi pendidikan"

**Jebasingam Isaac John
Ketua Boskuad ECER**

berasaskan sumber seperti petrokimia, berasaskan kayu dan memproses makanan. Selain itu, persiapan sedang dijalankan untuk membina Pusat Nukleus Ternakan Lembu di Muadzam Shah dan Jerantut yang dijangka siap sebelum hujung tahun ini.

Felda turut membuat pelaburan berganda dalam ladang makanan hab pemasaran dan pusat penyembelihan yang akan merangsang gugusan ternakan dan daging lembu ECER. Felda juga terbabit dalam pelbagai aktiviti hiliran membabitkan penternakan dan daging lembu. Dua Taman Herba dikenal pasti di Temerloh dan Raub untuk dibangunkan bagi tujuan pengeluaran, pemerosesan dan perusahaan, dengan memberi penekanan kepada pembangunan dan penyelidikan di kawasan seperti teknologi pengeluaran kedua-dua bahan mentah dan produk akhir. Projek pembangunan di ECER yang lain, iaitu di Kelantan, Terengganu dan Mersing turut dirangka. Di Terengganu, contohnya, Taman Plastik Kertih berjaya menarik komitmen pelaburan sebanyak RM545 juta daripada syarikat pembuatan dalam dan luar negara, termasuk pelaburan berpotensi dalam pembungkusan plastik oleh sebuah syarikat Australia. Di Mersing akan dibangunkan sebagai pusat tarikan utama pelancongan perairan pantai tanah besar dan kajian kesan alam sekitar bagi projek ini sedang dijalankan.

Projek ECER sebenarnya, bertujuan mewujudkan peluang keusahawanan dan pekerjaan untuk penduduk tempatan. ECER sebagai destinasi yang mampu menarik pelaburan, manakala kerajaan sudah meluluskan pakej insentif menarik, sama ada berbentuk fiskal atau bukan fiskal, selain merancang beberapa misi pemasaran di peringkat domestik dan luar negara untuk mempromosikan pelaburan sektor swasta luar negara. Di bawah pelan induk ECER, Pahang akan dibangunkan sebagai hab logistik dan perindustrian utama wilayah itu. Ia akan memberi tumpuan yang besar kepada aktiviti pengeluaran hiliran berasaskan kepada sumber seperti industri berasaskan getah, industri berasaskan kayu, makanan halal dan juga industri tidak berasaskan makanan.

Inisiatif bandar Pelabuhan Kuantan akan menyaksikan kemunculan kemudahan pelabuhan sedia ada akan dinaik taraf secara besar-besaran untuk membuka jalan bagi Kuantan menjadi terminal bersepadu dan hab logistik bagi pasaran petrokimia, minyak kelapa sawit, automotif dan kontena, dan juga zon pengeluaran dan perindustrian utama. Fokus pertanian di Pahang adalah untuk membangunkan dan mempromosikan penanaman nanas yang diintegrasikan kepada ladang kelapa sawit di Rompin, penanaman sayur-sayuran di Kuantan begitu juga Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Nukleus di Muadzam Shah.

25 Februari 2009 (Rabu)

Projek RM500,000 tak perlu tender

Oleh Ahmad Naim Tahir, Syuhada Choo Abdullah, Sazarina Shahrim

Kontrak kecil agensi, jabatan kerajaan dilaksana segera melalui proses sebut harga: Najib

KUALA LUMPUR: Berkuat kuasa serta-merta, semua projek kerajaan bernilai sehingga RM500,000 tidak perlu lagi ditender, sebaliknya hanya melalui proses sebut harga, kata Datuk Seri Najib Razak. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, keputusan itu dibuat bagi memastikan projek kecil agensi dan jabatan kerajaan dapat dilaksanakan segera tanpa perlu melalui proses tender. "Kita mahu mempercepatkan pelaksanaan projek kecil kerajaan. Jadi, projek yang nilainya tidak lebih RM500,000 tidak perlu lagi ditender, sebaliknya hanya melalui proses sebut harga. "Sebelum ini, proses sebut harga hanya bagi projek bernilai tidak lebih RM200,000," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat Majlis Ekonomi Negara di Bangunan Parlimen di sini, semalam. Mesyuarat bulanan itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Najib berkata, perubahan had nilai projek berkenaan hanya membabitkan kontraktor kelas E tanpa menjaskan kontraktor kelas F. Mengenai dana dalam pakej rangsangan ekonomi kedua yang akan dibentangkan di Parlimen pada 10 Mac ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, ia lebih besar daripada pakej rangsangan pertama. "Biarlah saya bentangkan kepada Kabinet dulu, tetapi apa yang pasti ia lebih besar daripada sebelum ini (pakej rangsangan pertama)... cukup banyak untuk benar-benar memberi impak kepada ekonomi kita," katanya.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Syed Ali Alattas, berkata keputusan kerajaan itu akan membantu lebih ramai kontraktor mendapat projek, terutama dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu sekarang. "Kita memang menantikan pengumuman baik kerajaan ini, tetapi mesti ada pemantauan supaya pelaksanaannya memanfaatkan ramai kontraktor dan tidak diberi kepada beberapa kelompok saja," katanya ketika dihubungi Berita Harian. Syed Ali juga mencadangkan supaya projek besar bernilai jutaan ringgit dipecahkan supaya lebih ramai kontraktor mendapat manfaat. "Misalnya, projek RM2 juta dipecahkan supaya tidak perlu ditender, sekali gus empat kontraktor boleh mendapat peluang," katanya.

26 Februari 2009 (Khamis)

Pendidikan - R&D: Memulihara spesies

Oleh Norliza Abdullah lizz@bharian.com.my



TEKNIK kultur tisu digunakan untuk membiakkan tanaman induk.

Penyelidik UKM berjaya temui kaedah penyimpanan benih sumber makanan

USAHA meningkatkan sumber makanan serta proses memulihara alam sekitar perlu dilaksanakan menerusi pelbagai kaedah, antaranya dengan menyimpan biji benih bagi memastikan baka sesuatu spesies itu terpelihara, sekali gus dapat digunakan untuk tujuan penyelidikan mahupun sebagai sumber makanan berterusan. Proses penyimpanan biji benih secara berkesan penting kerana sumber itu juga berfungsi dalam proses pemuliharaan genetik dan usaha penambahbaikan tanaman.

Kaedah penyimpanan biji benih berbeza mengikut spesiesnya. Spesies yang hidup di kawasan beriklim tropika bersifat rekalsitran iaitu sensitif kepada proses pengeringan dan suhu yang rendah menyebabkan tidak sesuai dipulihara dalam bank biji benih. Berbanding biji benih ortodok antaranya padi, gandum, jenis kekacang, sayur-sayuran dan cili bersifat mudah bertolak ansur dalam proses pengeringan dan sejuk beku. Antara spesies yang bersifat rekalsitran daripada buah-buahan tropika antaranya manggis, langsat dan rambutan serta durian. Kaedah penyimpanan bagi kategori ini perlu dilaksanakan dengan lebih sempurna.



DR NORMAH dibantu dua penyelidik di Institut Inbiosis UKM, menunjukkan kaedah penyimpanan beku dalam nitrogen cecair.

Kegagalan berbuat demikian menyebabkan biji benih sukar disimpan untuk kegunaan masa akan datang dan dikhawatir menimbulkan masalah dalam industri pertanian. Penyelidikan berterusan bagi mengenal pasti proses penyimpanan biji benih secara berkesan perlu dilaksanakan bagi memperoleh teknologi baru dalam usaha pemuliharaan sumber genetik tumbuhan. Malah menerusi kajian berterusan juga, pengkaji berpeluang mengeksplorasi kegunaannya bagi membangunkan kegiatan sektor pemprosesan, farmaseutikal dan sumber makanan baru.

Pengarah Institut Biologi Sistem, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Normah Mohd Noor, berkata proses menyimpan biji benih daripada spesies rekalsitran perlu dilaksanakan dengan teliti. Katanya, kaedah penyimpanan sempurna akan memastikan bekalan berterusan, sekali gus meningkatkan pengeluaran dan kualiti hasil pertanian. Pendekatan biologi sistem kata beliau, boleh digunakan untuk memahami ciri rekalsitran biji benih. Ia boleh dilaksanakan menerusi pengekspresan gen memberi maklumat mengenai jenis protein yang berfungsi dalam biji benih setiap spesies. Katanya, kaedah pengkrioawetan (penyimpanan dalam keadaan beku, dalam nitrogen cecair -196 darjah selsius) dibangunkan untuk memulihara spesies bermasalah dalam aspek pemuliharaan. "Contoh, kaedah penyimpanan biji benih yang bersifat rekalsitran boleh dilaksanakan menerusi kaedah pengkrioawetan bahagian tumbuhan seperti paksi embrio dan hujung pucuk seperti dilakukan kepada spesies Citrus. "Untuk pengkrioawetan menerusi

penggunaan paksi embrio ia boleh dilakukan dengan mengeringkannya di bawah aliran laminar dan kadar sejuk beku yang pantas atau dibenamkan dalam nitrogen cecair," katanya di Bangi, baru-baru ini.

Normah berkata, masalah yang timbul membabitkan paksi embrio atau embrio bersaiz besar seperti durian. Embrio besar mengandungi kandungan lembapan (air) tinggi menyebabkan sensitif kepada suhu beku. Ada juga biji benih yang tidak mempunyai embrio antaranya manggis. Bagi mengatasinya, beliau berkata, spesies itu perlu menggunakan bahagian tumbuhan seperti hujung pucuk sebagai organ pengkrioawetan. Bahagian itu lebih sesuai kerana selnya kecil dan padat, selain mudah hidup kerana kurang air untuk pembentukan ais. Struktur pada hujung pucuk bagi spesies biji benih rekalsiran lebih stabil. Pengkrioawetan hujung pucuk itu dilaksanakan menerusi teknik pemvitreusan. Walaupun kaedah berkenaan memerlukan lebih banyak kerja. Selain itu, katanya, proses pemeliharaan biji benih boleh dilaksanakan menerusi kaedah kultur in vitro (kultur tisu) yang berdasarkan prinsip totipotensi tumbuhan. Sel atau tisu tumbuhan berkenaan disimpan dalam bekas kaca mahupun plastik. Teknik in vitro dibangunkan untuk memperbanyak tanaman.

26 Februari 2009 (Khamis)

Utara: Lelaki ditahan, 2,600 liter diesel dirampas

SITIAWAN: Pasukan polis marin menahan seorang lelaki berusia 36 tahun dan merampas sebuah lori membawa 2,600 liter minyak diesel dipercayai minyak subsidi yang cuba dijual kepada pengguna industri, dalam satu tangkapan berhampiran plaza tol Taiping utara, Jalan Air Putih, Taiping, kelmarin. Pegawai Pemerintah Polis Marin Perak, Deputi Superintendant Mohd Yazib Abd Aziz, berkata tangkapan kira-kira jam 11 pagi itu dilakukan sepasukan enam anggota polis marin diketuai Inspektor Adni Shaari hasil maklumat orang ramai. "Lelaki itu berserta lori jenis Isuzu dan barang kes ditahan kerana melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu membawa minyak diesel tanpa kelulusan khas daripada Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Barang rampas diserahkan kepada KPDNHEP daerah Taiping untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media di sini semalam.

Mohd Yazib berkata, kejayaan kes tangkapan penyelewengan minyak diesel yang dilakukan kelmarin adalah yang kedua bagi Pasukan Gerakan Marin Perak tahun ini. Beliau berkata, sepanjang tahun lalu, pihaknya berjaya menyelesaikan 122 kes mengikut pelbagai akta seperti Akta Perikanan, Akta Kastam, Akta Dadah Merbahaya, Akta Bahan Letupan dan Akta Barang Kawalan dengan keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM3.4 juta. Justeru, katanya, Polis Marin Perak mengalu-alukan orang ramai menyalurkan sebarang maklumat mengenai apa-apa juga kegiatan yang menyalahi undang-undang yang berlaku di kawasan pesisiran pantai dan di kawasan perairan negara untuk diambil tindakan selanjutnya.

26 Februari 2009 (Khamis)

Mara mahu swasta bangunan

MARA melaksanakan dasar baru menswastakan bangunannya kepada pihak berminat untuk mengubah suai premis mengikut keadaan perniagaan setempat, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Noh Omar. Langkah itu bertujuan mengelak bangunan Mara daripada dilihat sebagai gajah putih dan tidak menarik minat selepas tempoh tertentu. "Kita tidak nafikan kemungkinan selepas dibina, bangunan itu sangat maju dan hebat, tetapi disebabkan pembangunan sekitarnya, bangunan itu ketinggalan. "Contohnya, di Bukit Mertajam, bangunan Mara cukup hebat tetapi apabila tiada laluan bas, ia dilihat sebagai gajah putih dan tidak menarik minat pengunjung," katanya menjawab soalan tambahan Siti Zailah Mohd Yusoff (Pas-Rantau Panjang).

Menjawab soalan asal Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong), Noh berkata, kementerian tidak bercadang menyediakan skim baru pinjaman mudah kepada usahawan untuk memulakan perniagaan. Selain itu, kementerian mensasarkan penyediaan 18,000 unit premis perniagaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), termasuk 3,500 unit di luar bandar. Beliau berkata, 17,682 unit premis perniagaan sudah disediakan mencakupi 3,133 unit di luar bandar untuk usahawan Bumiputera pada kadar sewa 50 peratus lebih rendah daripada pasaran dalam tempoh permulaan.